

24/09/2001

Lawatan Than Shwe erat hubungan Yangon-KL

KUNJUNGAN pemimpin tentera Myanmar, Jeneral Than Shwe ke Malaysia selama tiga hari mulai Selasa ini mampu mengeratkan lagi hubungan sedia ada yang sememangnya baik dan rapat antara Yangon dan Kuala Lumpur.

Lawatan rasmi itu sekali gus dilihat ramai pemerhati sebagai meredakan lagi isu Myanmar, terutama soal dialog antara junta tentera Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) yang memerintah dengan pemimpin prodemokrasi yang dikenakan tahanan rumah, Aung San Suu Kyi.

Kehadiran Pengerusi SPDC itu adalah kunjungan muhibah atas jemputan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Kunjungan itu dilihat teliti oleh penganalisis politik kerana Malaysia di bawah pimpinan Dr Mahathir memainkan peranan penting bagi memecahkan kebuntuan politik antara junta tentera dan Suu Kyi, terutama dialog penuh rahsia sejak setahun lalu.

Ini lawatan ketiga Tan Shwe ketiga ke Malaysia. Sebelum ini, Dr Mahathir pergi ke Myanmar buat kali kedua pada Januari lalu. Beliau pernah ke sana pada 1997, ketika Myanmar diterima sebagai anggota Asean.

Kuala Lumpur memainkan peranan penting bagi menerima kemasukan Myanmar ke dalam Asean bagi bersama-sama anggota lain, iaitu Singapura, Indonesia, Filipina, Thailand, Laos, Kemboja, Vietnam, Brunei dan Malaysia mewujudkan kestabilan serantau menerusi dasar Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (Zopfan).

Beberapa perkembangan terbaru di Myanmar menarik perhatian pemerhati politik yang menyaksikan belenggu politik Myanmar semakin terungkai dan dijangka dapat diselesaikan secepat mungkin untuk kebaikan negara itu dan rantau ini.

Ini termasuk pembebasan dua pemimpin kanan Liga Demokrasi Kebangsaan (NLD) sehari sebelum ketibaan utusan khas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Tan Sri Razali Ismail untuk misi empat hari, akhir Ogos lalu mencerahkan lagi sinar demokrasi yang diharapkan dunia luar di Myanmar selama ini.

Tindakan junta tentera yang menganggotai SPDC bertindak sebagai kabinet Myanmar membebaskan Pengerusi NLD, Aung Shwe dan Naib Pengerusinya, Tin Oo yang kedua-duanya dibebaskan daripada tahanan rumah de facto menjelang ketibaan Razali di Yangon dilihat ramai pemerhati sebagai langkah berbaik oleh tentera.

Sebelum ini, ketegangan antara kedua-dua pihak semakin kendur sejak beberapa bulan lalu dan tentera membebaskan lebih 150 tahanan politik, termasuk dua pemimpin tertinggi NLD.

Meskipun pembebasan anggota NLD, badan hak asasi antarabangsa, Amnesty International menganggarkan ada 1,500 tahanan politik di Myanmar.

Kerajaan Yangon menegaskan ia komited bagi bergerak ke arah demokrasi seperti diharapkan dunia, tetapi beranggapan peralihan terlalu cepat akan menimbulkan kacau bilau dan perpecahan negara.

Oleh itu, sebarang usaha untuk mengendurkan lagi ketegangan sedia ada antara junta dan pembangkang mampu mewujudkan suasana lebih selesa untuk membincangkan sebarang masalah berbangkit.

Seperti biasa, kehadiran diplomat kanan Malaysia itu sedikit sebanyak membawa perubahan kepada dialog secara senyap antara junta tentera dan pemimpin NLD, Suu Kyi yang dijulung Barat sebagai pejuang demokrasi.

Parti NLD pimpinan Suu Kyi memenangi pilihan raya Myanmar lalu pada 1990 dengan kemenangan besar tetapi tidak dibenarkan mentadbir, sebaliknya

ramai calonnya ditahan atas alasan menjaga ketenteraman awam.

Suu Kyi, pemenang Hadiah Nobel Keamanan pada 1991 dikenakan tahanan rumah de facto sejak hampir setahun lalu.

Razali mula mengusahakan dialog berkenaan Oktober tahun lalu dalam usaha memecah kebuntuan politik yang mencengkam Myanmar, terutama pandangan sinis Barat, terutama Amerika Syarikat konon junta menekan demokrasi di negara itu.

Ketika berlepas dari Yangon pada hari terakhir kunjungannya ke sana, Razali menyeru Suu Kyi dan junta meneruskan dialog bersejarah itu.

Razali berlepas ke Kuala Lumpur dan difahamkan ke New York selepas itu untuk memberi taklimat kepada Setiausaha Agung PBB, Kofi Annan mengenai kunjungan itu.

Kehadiran Razali jelas menggambarkan penting dan akrabnya hubungan Malaysia dengan Myanmar sehingga mendapat kepercayaan dan keyakinan junta Yangon yang bertindak sebagai kerajaan sementara untuk cuba mengusahakan dialog itu.

Suu Kyi memang diketahui ramai, terutama di negaranya sendiri lebih Barat daripada sifat Myanmarnya dan lantaran itu, kehadiran Malaysia sebagai negara sahabat Myanmar dalam Asean serta duduk berhampiran di kerusi PBB, dilihat sebagai kuasa pengimbang.

Selain simboliknya Razali sebagai utusan khas PBB untuk menangani isu Myanmar itu, hasrat Malaysia bagi menyelesaikan sebarang kebuntuan politik di negara serantau itu jelas dilihat pada salam muhibah yang dihulur Kuala Lumpur kepada Yangon selama ini, terutama selepas penentangan 18 kumpulan etnik bersenjata di negara itu semakin reda pada awal 1990-an.

Bagi Malaysia, kestabilan politik Myanmar penting bagi mengurangkan lagi pergolakan politik di rantau Asia Tenggara yang meskipun dasar Zopfan menerusi Asean sejak dulu, tetap ada pincang di sana sini sebagaimana lazim dialami kebanyakan rantau lain.

Dengan semakin berkurangnya ancaman komunis, terutama kejatuhan blok Soviet dan runtuhnya dasar pemencilan Tembok Besar China dengan Beijing membuka pintunya kepada ekonomi terbuka kapitalis, selain masuknya negara komunis Asia Tenggara seperti Vietnam, Laos dan Kemboja ke dalam gagasan Asean, semua itu memerlukan usaha susulan bagi memastikan keamanan serantau terus dipertahankan.

Lantaran itu, masalah yang dihadapi Myanmar yang berjiran dengan kuasa gergasi Asia, iaitu China dan India, selain berkongsi kawasan strategik untuk pengeluaran dadah, iaitu Segi Tiga Emas Dadah dengan Thailand dan Laos, semua itu menunjukkan pentingnya sebarang masalah dalaman Myanmar diselesaikan dengan cara yang berkesan dan memuaskan hati semua pihak.

Malah sejarah pembentukan negara bangsa moden sejak merdeka 53 tahun lalu, terutama kejayaannya menstabilkan politik, mengukuhkan ekonomi serta membangunkan sosialnya mempunyai banyak persamaan dari segi negara pelbagai bangsa itu.

Jika Malaysia berdepan dengan masalah perkauman yang berjaya dikendalikan dengan berkesan, begitu juga kesulitan dihadapi pemerintah Yangon dengan pelbagai etnik itu, meskipun lebih 80 peratus daripada 52 juta rakyatnya beragama Buddha.

Pengalaman berada bawah penjajah yang sama, iaitu Britain dengan Myanmar hanya menerima nikmat kemerdekaannya pada 4 Januari 1948, dan Malaysia pada 31 Ogos 1957, seolah-olah memberi harapan dan semangat sama untuk muncul sebagai negara merdeka yang berdaulat dengan jati diri sendiri.

Lantaran itu, ramai pemerhati melihat kesungguhan Kuala Lumpur, sama ada menerusi Razali yang walaupun menggunakan nama PBB, tetap memperlihatkan dirinya sebagai diplomat Malaysia, serta kesungguhan Dr Mahathir menghulurkan kesudian menjadi orang tengah dalam isu Myanmar mampu membuahkan hasil yang boleh diterima semua pihak terbabit.

Pengalaman Razali yang pernah menjadi pengerusi Majlis Keselamatan PBB selama beberapa tahun sudah cukup menjadi bukti kemampuannya memberi pandangan dan harapan bagi memastikan dialog yang tersekat-sekat itu akhirnya membuahkan hasil seperti diharapkan.

Utusan khas PBB itu sempat bertemu dua kali dengan Suu Kyi, anak wira kemerdekaan Myanmar, Jeneral Aung San bagi membincangkan perkembangan rundingan itu, iaitu rundingan pemimpin wanita itu yang pertama sejak 1994 selepas bermula pada Oktober tahun lalu.

Seperti lazimnya dan sebagaimana syarat ditetapkan semua pihak terbabit untuk merahsiakan hasil rundingan itu, Razali enggan mengulas secara terbuka ketika berada di Yangon tetapi pemerhati, terutama ahli perniagaan dan diplomat yang ditemuinya berkata beliau tetap yakin dialog itu semakin membuka laluan untuk pembaharuan demokrasi di negara yang melihatkan pengaruh pentadbiran tentera sejak merdeka.

Namun, Razali menaruh harapan rundingan itu membuahkan hasil dan hanya boleh berkata beliau berpuas hati serta tidak boleh berkata lebih berikutan rundingan masih berjalan.

Dalam satu kenyataan, PBB berkata Razali percaya kedua-dua pihak yang terbabit dalam rundingan itu mahu berdamai semula.

Pemerhati Barat sibuk berpegang kepada spekulasi konon rundingan terbantut dan menemui jalan buntu, terutama perkembangan semasa, termasuk keengganan Suu Kyi menghadiri satu upacara rasmi yang penting, tidak lama dulu yang ditafsirkan oleh beberapa diplomat sebagai tanda rundingan itu menghadapi masalah.

Selama di Myanmar, Razali mengadakan perbincangan dengan minoriti etnik Myanmar yang sokongan mereka terhadap sebarang peralihan di Myanmar adalah penting.

Pemimpin Liga Demokrasi Rakyat Shan (SNLD), Khun Tun Oo yang partinya memenangi kerusi kedua terbanyak dalam pilihan raya 1990 dipetik sebagai berkata Razali kelihatan positif berhubung perbincangan antara Suu Kyi dan tentera.

Razali melaporkan hasil misinya ke Myanmar kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan apabila melawat New York, bulan ini.

Kunjungan empat hari itu meskipun singkat, tetap menjanjikan sesuatu bagi memastikan proses dialog sentiasa dihidupkan untuk mewujudkan suasana selesa bagi setiap pihak terbabit. Inilah yang diharapkan dunia luar agar segala usaha yang dimulakan selama ini berbaloi dan tidak hanya tersangkut di tengah jalan.

Manakala penentang bersenjata pula, terutama yang kumpulan etnik pula sejak dulu dipercayai berjuang atas nama hak etnik, sebaliknya junta tentera percaya mereka berbuat demikian kerana ingin terus menguasai pasaran dadah dari kawasan Segi Tiga Emas Dadah.

(END)